

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11/08/1988

## *Pemecatan* **tambahkan lagi kredibiliti sistem kehakiman**

Um, — **Syed Hussein**

1.1 AUG. 1988

KUALA LUMPUR 10 Ogos — Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Syed Hussein Alatas menyifatkan pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Salleh Abas dari jawatannya sebagai menambahkan lagi kredibiliti sistem kehakiman negara ini.

Katanya, tindakan yang diambil oleh Yang di-Pertuan Agong terhadap Tun Salleh Abas itu tidak akan mengurangkan kredibiliti sistem kehakiman negara seperti yang disangka ramai.

Menurut beliau, untuk menunjukkan kedaulatannya, sistem kehakiman mempunyai undang-

undang untuk menyingkirkan sesiapa sahaja yang didapati melanggar perlembagaan.

Bercakap kepada para pemberita selepas sidang akhbar di UM, di sini hari ini, beliau menegaskan tindakan yang diambil oleh tribunal itu tidak menjejaskan sistem kehakiman negara.

Perlembagaan negara ini kata beliau, memang memberi peruntukan untuk menyingkirkan orang-orang yang berkedudukan tinggi termasuklah Perdana Menteri sendiri.

Tindakan memecat itu, menurutnya juga tidak akan menjejaskan amalan demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Naib Canselor itu juga berkata, sekiranya individu menuduh kerajaan menjejaskan sistem kehakiman, tuduhan tersebut mestilah disokong dengan fakta dari penyiasatan yang rapi dan terperinci.

"Tanpa bukti, semua tuduhan tersebut hanyalah merupakan sangkaan buruk terhadap kerajaan yang boleh disifatkan sebagai propaganda," tegas Profesor Syed Hussein.